



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

**UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **PROGRAM BAITI JANNATI @ WILAYAH PERSEKUTUAN DIPERLUAS KE WP LABUAN**

**LABUAN, 9 November 2018** – Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan membantu 10 keluarga miskin tegar di WP Labuan di bawah Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan dan isteri, YBhg Datin Seri Utama Anggraini Sentiyaki sendiri meninjau persekitaran rumah penerima dan menyampaikan bantuan baik pulih kediaman.

Kriteria pemilihan penerima bantuan Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan ini adalah golongan miskin tegar yang berdaftar dengan sistem e-kasih, Pusat Zakat Negeri dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Selain itu, keutamaan diberikan kepada golongan / keluarga / individu yang mempunyai anak orang kurang upaya (OKU), berpenyakit kronik, suami atau isteri yang sudah meninggal dunia dan mempunyai tanggungan anak yang ramai.

Di atas kejayaan melaksanakan program yang memberi impak positif kepada masyarakat ini, pelbagai organisasi korporat dan juga NGO turut menyumbangkan dana bagi menjayakan program ini. Sumbangan yang diterima daripada badan-badan korporat dan NGO ini dimanfaatkan untuk menyelesaikan pinjaman perumahan atau sewa rumah yang tertunggak bagi penerima Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur.

Manakala penerima Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan di Putrajaya dan Labuan pula dibantu dari segi membaik pulih rumah kediaman persendirian memandangkan kebanyakan penduduk di WP Putrajaya dan WP Labuan sudah mempunyai kediaman sendiri.

Program turun padang dan khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 ini adalah sebagai salah satu usaha pihak Kerajaan melalui kaedah bersemuka dengan rakyat. Objektif utama program ini adalah membantu penduduk di Wilayah Persekutuan di bawah kategori miskin tegar dan miskin bandar untuk memiliki unit kediaman sendiri serta membantu membaik pulih pemilik rumah sendiri kepada persekitaran yang lebih selesa. Dengan ini dapat meningkatkan taraf hidup sekeluarga ke arah yang lebih sempurna dan sejahtera.

**Disediakan oleh  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan**